

# USIM terima RM3.5 juta tubuh klinik pakar

**NILAI** - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menerima peruntukan sebanyak RM3.5 juta daripada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) bagi menubuhkan klinik pakar kesihatan dekat Nilai Square di sini yang dijangka siap dalam tempoh tiga bulan akan datang.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, peruntukan itu menerusi memorandum persefahaman (MoU) dengan MAINS yang ditandatangani semalam bagi mengurus dan membangunkan dana wakaf untuk diagih kepada golongan sasaran.

"USIM telah diberi kepercayaan oleh MAINS untuk mengurus dan membangunkan dana wakaf berkenaan," katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani MoU itu di sini semalam.

Turut hadir Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin.

Mohamad yang juga Pengerusi MAINS berkata, klinik itu bakal menawarkan perkhidmatan pakar perubatan, pergigian dan rawatan pesakit luar yang akan dikendalikan oleh khidmat profesional dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dan Fakulti Pergigian USIM.